

## **Peranan Wanita Melayu Untuk Melaksanakan Modal Insan Bagi Memperkembangkan Minda Kelas Pertama Menuju Kepada Pembangunan Negara**

**Hajah Siti Khariah Binti Mohd Zubir**

*Fakulti Bahasa*

*Universiti Pendidikan Sultan Idris*

### **Pendahuluan**

Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK- 9) dengan teras Misi Nasional dilancarkan pada 31 Mac 2006 yang lalu bagi memacu negara ini menuju Wawasan 2020 dengan pendekatan berdasarkan pengetahuan, kreativiti, inovasi dan usaha memupuk minda kelas pertama. Agenda penting negara yang dibentangkan oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia, merupakan rangka kerja dasar dan perlaksanaan yang menggariskan keutamaan negara untuk tempuh 15 tahun akan datang menjelang 2020.

RMK-9 yang berteraskan Misi Nasional memberikan penekanan terhadap perlaksanaan program yang meningkatkan daya saing negara, memperkuatkan perpaduan, mewujudkan pendapatan dan meningkatkan kualiti hidup rakyat. Bagi mencapai Wawasan 2020, Misi Nasional menggariskan lima teras utama, iaitu: Pertama, meningkatkan nilai tambah dalam ekonomi negara. Kedua, meningkatkan keupayaan pengetahuan, iaitu modal insan yang akan melahirkan insan yang memiliki “Minda kelas pertama” yang berpengetahuan positif, kreatif, inovatif dan berwibawa atau berintegriti. Ketiga, menangani masalah ketidaksamaan sosioekonomi secara membina dan produktif. Keempat, meningkatkan tahap dan kemampuan kualiti hidup dan kelima, mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan negara. RMK-9 pula berfungsi sebagai pelan terperinci untuk lima tahun pertama misi tersebut yang menggariskan dasar dan program utama kearah mencapai teras serta objektifnya, iaitu:

*“Misi Nasional akan memastikan matlamat kemajuan negara yang bersifat menyeluruh dan seimbang tercapai seiring dengan kecemerlangan tamadun Islam dan selaras dengan pendekatan Islam Hadhari.”*

Antara faktor utama bagi menjadi negara maju menjelang 2020 nanti ialah keupayaan dan keperibadian rakyat negara ini terutamanya peranan wanita Melayu dalam memajukan negara. Malaysia tidak lagi dianggap sebagai negara yang memiliki “infrastruktur kelas pertama,” tetapi rakyatnya mempunyai “minda kelas ketiga.” Golongan belia dan pelajar Melayu terutamanya wanita sekarang merupakan kelompok paling kritikal yang perlu mengalami perubahan minda. Hal ini demikian kerana, 15 tahun dari sekarang merupakan rakyat Malaysia yang akan merasai baik-buruknya negara ini pada tahun 2020 nanti.

### **Modal Insan**

Menurut pendapat Prof. Dr. Sidek Baba dalam kertas kerjanya yang dipetik oleh Hasliza Hassan (2006: 15) menyatakan bahawa modal insan dalam erti yang luas memerlukan ilmu, ketrampilan dan nilai berguna supaya gerak kerja pengurusan sumber bernilai ekonomi dan saintifik sifatnya terarah. Namun, sering berlaku, salah guna dan penyelewengan terhadap sumber akibat insan tidak dibentuk secara seimbang terutama apabila pengetahuan dan kemahiran tidak dikaitkan dengan nilai. “Nilai teras seperti amanah, adil, jujur dan bijaksana amat penting dalam pengurusan sumber. Tanpa nilai yang dikaitkan dengan Allah S.W.T. manusia cenderung tamak, melakukan salah guna yang akhirnya merosakkan sistem.”

Dr. Sidek juga menyatakan bahawa pembangunan pendidikan adalah strategi terbaik menghasilkan modal insan yang membayangi pembangunan tamadun silam yang bersikap proaktif terhadap cabaran masa kini serta masa depan. Pembangunan modal insan berkualiti perlu dilakukan secara terancang, iaitu dengan membina gagasan keilmuan merentasi disiplin, pembinaan institusi dan tradisi kesarjanaan.

Norizan Sharif (2006: 10) pula menjelaskan bahawa pendekatan kepada pembangunan modal insan haruslah secara holistik, menekankan pembangunan ilmu pengetahuan, kemahiran dan modal interlektual. Modal insan merupakan aset terbesar untuk memajukan negara. Kemajuan hanya akan diperolehi sekiranya kita mampu memupuk budaya keilmuan yang menjadi asas kepada pembinaan sesebuah tamadun yang besar. Pendapat Prof. Dr. Syed Naquib al-Attas yang dipetik oleh Norizan Sharif untuk mewujudkan budaya ilmu dalam sesebuah masyarakat ialah:

- i. Meletakkan ilmu dan ilmuwan pada tempat yang tertinggi.
- ii. Setiap orang senantiasa menuntut ilmu dan menyumbang terhadap pengembangan dan kemajuan ilmu.
- iii. Setiap keputusan dan tindakan hendaklah dibuat berdasarkan ilmu.

Selain itu, setiap orang mempunyai ilmu, ilmu itu haruslah disebarluaskan kepada orang lain supaya dapat dimanfaatkan. Ada beberapa cara untuk menyebarkan ilmu seluas yang mungkin seperti penerbitan buku-buku, CD, laman web dan lain-lain bentuk bahan bacaan bagi mewujudkan ilmu baru dalam masyarakat. Ilmu berkembang dari sudut kualiti dan kuantiti apabila wujud interaksi antara penyampai dan pengguna. Perkongsian ilmu hendaklah berlaku sepanjang masa, sama ada di tempat kerja ataupun di rumah. Kita sebagai sumber modal insan mestilah mampu memanfaatkan segala sumber teknologi bagi memperluaskan ilmu. Ilmu bukanlah aset untuk disimpan. Nilai ilmu bertambah apabila ia dikongsi dan hidup dalam masyarakat.

Haji Othman Hamzah al-Muqri (2006: 12) menyatakan bahawa modal insan yang berjaya mestilah melalui proses pembelajaran dan pengajaran. Islam memupuk kecenderungan manusia untuk mengetahui perkara yang mereka tidak ketahui. Islam membimbing manusia ke arah mementingkan ilmu, menggalakkan pembelajaran dan pengajaran dan memberi kemuliaan kepada para ulama dan mengangkat darjat mereka di kalangan manusia.

### **Minda Kelas Pertama**

Salah satu aspek penting dalam wawasan negara ialah pembangunan pemikiran bangsa. Kemajuan sesuatu bangsa terletak kepada program pembangunan pemikiran bangsa itu sendiri. Contohnya bangsa Jepun berusaha dengan gigih sekali mengadakan program pembangunan pemikiran sehingga menjadi bangsa maju di dunia pada masa ini.

Hari ini di Malaysia berdepan dengan satu wawasan besar pembangunan yang dipanggil Wawasan 2020. Pada tahun 1970 hingga 1990, kerajaan melancarkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dengan hasrat menyusun masyarakat dan membasmi kemiskinan. Ternyata dalam dasar yang berjalan selama 20 tahun itu, bangsa Melayu masih gagal mencapai matlamatnya. Dari matlamat 30% peruntukan ekonomi bumiputera, hanya mencapai 20%. Kini diberikan peluang sekali lagi untuk membangunkan bumiputera. Maju mundurnya dan juga gagalnya wawasan yang mendatang ini berada dalam tangan orang-orang Melayu bumiputera sendiri yang menjadi pewaris utama dan tonggak kedaulatan bangsa.

Allah mencipta manusia bermula dengan kejadian otak apabila benih lelaki dan benih perempuan bertemu pada usia enam hari. Bermula daripada usia enam hari di dalam rahim, otak manusia berkembang dan terus berkembang dan apabila berusia lapan tahun, otak sudah berkembang 90%. Otak manusia yang membezakan manusia dengan binatang. Inilah anugerah Allah yang paling berharga untuk manusia. Mengikut saintis otak terbahagi kepada dua hemisfera, iaitu hemisfera otak kiri (hoki) dan hemisfera otak kanan (hoka). Dengan hoki, manusia

berfikir secara fakta, saintifik, kreatif objektif dan logik. Dengan hoka, manusia berfikir dengan cara perasaan, kreatif, subjektif, inovatif dan lateral.

Menurut Yusuf Hasan (2004: 54) pemikiran lateral yang dipelopori oleh Edward de Borno adalah semata-mata untuk berfikir mencari idea-idea baru yang membawa kepada teknologi-teknologi baru supaya manusia dapat mengatasi masalah mengambil keputusan untuk kesejahteraan manusia sendiri. Pemikiran terhasil daripada asuhan, pupukan dan ajaran. Dalam otak ada berbilion-bilion sel untuk digunakan. Orang-orang Jepun dan German serta Negara-negara maju contohnya, benar-benar menggunakan sel-sel otak untuk kemajuan. Lihatlah bagaimana kemajuan sains dan teknologi yang begitu canggih hari ini. Komputer, telefon, televisyen, faks, robot, kapal terbang, mesin ke angkasa lepas dan sebagainya dapat dicipta dan direka oleh manusia sendiri seperti kita.

Islam adalah ad-din untuk dunia dan akhirat tidak pernah menghalang manusia untuk terus mencipta sistem pendidikan negara selama ini tidak menekankan kemahiran berfikir. Akibatnya kita melahirkan masyarakat yang pandai menggunakan tetapi tidak pandai mencipta. Mohd Shukri Mohd Ariff (2006: 5) menyatakan bahawa Malaysia tidak lagi boleh dianggap sebagai negara yang memiliki “infrastruktur kelas pertama” tetapi rakyatnya “minda kelas ketiga.”

Oleh yang demikian, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, selaku Perdana Menteri Malaysia mengetengahkan konsep “minda kelas pertama” apabila membentangkan RMK-9. Beliau mengetengahkan konsep ini berikutan sikap rakyat Malaysia yang tidak menyelenggarakan dengan baik banyak projek pembangunan berskala besar yang dilaksanakan oleh kerajaan. Konsep “kelas pertama” ini merujuk cara berfikir, sikap dan kemampuan otak seperti yang dimiliki oleh rakyat negara maju. Selain bersikap inovatif, saintifik dan rasional, ciri penting minda kelas pertama juga meliputi intergriti, bebas daripada korupsi dan rasuah.

Pemupukan minda kelas pertama terungkap dalam teras kedua Misi Nasional-meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara. Teras pertama Misi Nasional juga berkaitan dengan pembentukan minda kelas pertama tetapi diperincikan dalam strategi memperkuuhkan modal insan. Konsep “modal insan berminda kelas pertama” diwar-warkan oleh Perdana Menteri dan menjadi bekalan penting bagi menjayakan RMK-9. Bagi memperkuuhkan modal insan, negara ini perlu mempereratkan perpaduan nasional, membangunkan masyarakat yang mempunyai perspektif progresif, sistem nilai yang boleh diteladani, budaya mengutamakan prestasi tinggi dan menghargai tradisi dan warisan. Dalam kajian ini, pengkaji akan memfokuskan peranan wanita Melayu untuk

melaksanakan modal insan bagi memperkembangkan minda kelas pertama menuju kepada pembangunan negara.

### **Peranan Wanita Melayu Sebagai Modal Insan Minda Kelas Pertama Untuk Membangunkan Negara**

Menurut Siti Khariah Mohd Zubir (2005: 4) dalam kertas kerjanya yang bertajuk “Wanita Berjaya: Mengimbangi Antara Tugas Keluarga dan Profesional” menyatakan bahawa dalam konteks Malaysia masa kini penglibatan wanita Melayu amat diharapkan, bukan sahaja dalam tugas dan tanggungjawab yang biasa, di sekitar rumah tangga dan keluarga tetapi juga dalam lingkungan yang lebih luas, meliputi aspek-aspek pembangunan masyarakat dan negara. Salah satu cogan kata yang sering dilaungkan untuk membangkitkan semangat ahli-ahli masyarakat kita ialah “Pemuda Harapan Bangsa, Pemudi Tiang Negara”. Falsafah di sebalik kata-kata bersemangat ini, menimbulkan gambaran tentang kaum wanita sebagai penyokong yang teguh dan pembantu yang kukuh dalam bidang ekonomi, politik dan sosial.

Jacob Sumardjo (1984: 2) mendefinisikan ekonomi sebagai cara manusia mendapatkan rezeki sama ada melalui bertani, berdagang, menjadi pegawai atau sebagainya. Manakala Amartya Sen, ahli ekonomi dan falsafah, menerima Nobel Prize 1998, mengukuhkan landasan teoritikal mengenai pembangunan insan dalam pembangunan sosioekonomi sesebuah negara. Sebagai definisi yang mudah pada teori ini, pembangunan berpusat dan berkisar pada pembangunan insan yang menyaksikan keupayaan produktif mereka dicanai dan digilap. Pembangunan ialah proses yang mengutamakan peningkatan kebolehan dan keupayaan insan dan yang memperluaskan elemen pilihan untuk mereka.

Pembangunan insan itulah yang dapat menentukan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan berterusan bagi sesebuah negara. Unjuruan kuantitatif, sasaran dan strategi pertumbuhan juga penting tetapi sebagai pengukur yang mencerminkan pencapaian pembangunan insan.

RMK-9 iaitu Rancangan Lima Tahun yang merangka strategi dan program untuk pembangunan sosioekonomi negara bertemakan Misi Nasional. Ia berlandaskan pada lima teras dan berpaut pada falsafah pembangunan yang berteraskan “Pembangunan Insan”. Insan ialah manusia yang menjadi pembangun atau penjana ekonomi yang amat penting kepada negara. Ia terdiri daripada penduduk Malaysia yang berjumlah 26.75 juta orang. Separuh dari jumlah modal insan ini ialah wanita.

Apabila memperkatakan ekonomi, baik lelaki atau wanita akan terlibat. Wanita Melayu alaf baru tidak ketinggalan dalam bidang ekonomi. Wanita Melayu yang hendak melibatkan diri dalam bidang

ekonomi biasanya melengkapkan diri mereka terlebih dahulu dengan sebanyak mungkin ilmu di dada. Mereka sanggup bersusuh payah terlebih dahulu sebelum menempa kejayaan. Menurut Ungku Aziz (2006: 1) yang ditemu bual oleh Zainuddin Shamsuddin pemberita Berita Minggu menyatakan bahawa wanita tingkatkan kejayaan Melayu. Wanita Melayu yang mempunyai minda kelas pertama semakin ramai menjadi pemimpin akan mengejutkan lelaki untuk sama-sama bangkit mencapai kejayaan, sekali gus menjadikan masyarakat Melayu lebih berbudaya saing pada masa depan. Wanita melayu telah mula menguasai pelbagai bidang pekerjaan yang selama ini dimonopoli oleh lelaki Melayu.

Di zaman yang amat mencabar ini, statistik kemasukan pelajar perempuan ke IPTA atau IPTS semakin bertambah. Pertambahan kemasukan wanita Melayu ke universiti amat ketara sekali. Dasar kerajaan yang tidak mengamalkan diskriminasi, hari ini antara 40 hingga 50 peratus pelajar universiti adalah wanita, malah sesetengah universiti mencecah hingga 60 petatus. Memandangkan peratus yang tinggi ini membuktikan bahawa wanita, terutamanya wanita Melayu sebagai modal insan yang mempunyai mentaliti minda kelas pertama. "Pergi kemana-mana kementerian, ramai wanita menyandang jawatan kanan seperti Ketua Setiausaha. Begitu juga sektor korporat, walaupun masih sedikit, kehadiran wanita mulai dirasai".

Setelah diteliti dan dikaji, pengkaji mendapati ada beberapa peranan penting yang dimainkan oleh wanita Melayu sebagai modal insan yang mempunyai minda kelas pertama dalam membangunkan negara. Pertama, wanita Melayu digunakan sebagai tenaga buruh. Kerajaan memperakui bahawa penyertaan wanita dalam tenaga buruh mengundang kearah peningkatan pembangunan sosioekonomi. Kadar penyertaan wanita secara umum sebagai tenaga buruh telah menunjukkan peningkatan yang positif dari 44.7 peratus tahun 1995 ke 47.7 peratus pada tahun 2003 dan kini berada pada tahap 48.5 peratus. Setengah daripada 48.5 peratus wanita yang terlibat sebagai tenaga buruh ialah wanita Melayu.

Penglibatan wanita Melayu tertumpu pada sektor perbuatan perdagangan burung runcit dan pertanian. Menurut Norraesah Haji Mohamad (2006: 8) sektor runcit mencatatkan jumlah perniagaan sejumlah RM70 bilion dengan pertumbuhan 9 peratus setahun. Sektor pertanian yang telah lama ditinggalkan oleh kaum wanita Melayu diberikan nafas baru dengan peruntukan RM11.4 bilion. Tentunya wanita Melayu dapat memanfaatkan dari strategi pertumbuhan baru ini dan meningkatkan penyertaan mereka dalam sektor-sektor ini sebagai petani yang berjaya.

Sebagai contoh, dahulu di Kedah petani menanam padi sekali setahun. Dengan kemajuan teknologi dan inovasi, pesawah mula

menanam padi dengan cara menabur benih dan tidak lagi menanam padi menggunakan kaedah tradisional. Penanaman padi juga diusahakan dua kali setahun bagi menambah pendapatan. Bagi memajukan sektor pertanian, bidang penyelidikan dan pembangunan (P&P) pertanian perlu ditingkatkan. Pegawai Pertanian perlu bekerja keras turun ke ladang dan sawah untuk membantu menyebarluaskan penemuan teknologi terkini. Minda wanita yang terlalu bergantung pada sabsidi kerajaan perlu dihapuskan.

Dalam usaha memajukan pertanian, kerajaan banyak mengeluarkan peruntukan dana. Bagi melonjakkan sektor pertanian, bukan sahaja menyediakan jentera mesin dan bantuan teknikal perlu ditingkatkan. Tumpuan khusus juga harus diberikan kepada pembangunan “modal insan”. Jika minda dan motivasi pertain wanita masih rendah dan tidak berdaya saing, industri pertanian negara akan terus ketinggalan. Sekiranya keadaan ini berterusan, ia akan mencacatkan usaha Malaysia untuk maju menjelang 2020.

Pembangunan pertanian secara revolusi perlu digerakkan secara bersepadan. Perubahan perlu dilakukan secara perlahan-lahan, iaitu daripada pembangunan berteraskan industri berat, elektronik dan ICT yang ditekankan pada tahun 1990-an hingga sekarang kepada penumpuan pembanguna industri asas tani agar pertanian menjadi sektor ulung nasional. Menurut sasaran RMK-9, sektor pertanian negara mampu mewujudkan imbalan pembayaran yang positif pada tahun 2010.

Kedua, peranan wanita Melayu dalam sektor pengurusan dan pentadbiran dari aspek kuantitatif amat memberangsangkan tetapi dari aspek kualitatif belum memuaskan. Penempatan wanita di jawatan-jawatan tinggi pentadbiran dan pengurusan dalam perkhidmatan awam agak ketara. Ianya ketara kerana sebelum ini jumlahnya kecil. Dari perspektif dan ukuran dahulu dan sekarang kedudukan wanita dalam perkhidmatan awam tidak dinafikan baik. Menurut Norraiesah Haji Mohamad (2006: 8-9) bahawa peranan wanita Melayu dalam sektor pengurusan dan pentadbiran harus diperakui bahawa ‘glass ceiling’ dalam sektor perkhidmatan awam sudah diatasi. Faktor ‘acceptability’ atau ‘penerimaan’ arbitrary yang dahulunya menambat wanita di jawatan bawahan dan menghindarkan wanita dari sampai ke kemuncak kejayaan telah diambil alih oleh pengukur yang bernama merit dan kebolehan.

Pihak swasta juga digalakkan untuk mengambil lebih ramai pekerja wanita terutama mereka yang berkelayakan. Petunjuk emprikal menunjukkan bahawa di dunia ‘conglomerate’ antara bangsa atau syarikat multinasional, di mana perhitungan asas adalah ‘bottom line’ sistem merit diberikan fokus dan dengan ini soal gender tidak menjadi isu. Wanita lebih mudah diterima ke jawatan tinggi.

Dalam sektor perbankan, contohnya, Gabenor Bank Negara disandang oleh wanita Melayu. Walau bagaimanapun kaum wanita belum boleh berbangga kerana dari kiraan relatif dan keseluruhan wanita di peringkat pengurusan tinggi perbankan masih amat kecil bilangannya. Wang tidak mengenal gender dan pengurusan yang cekap serta beretika kriteria utama dalam sektor kewangan. Wanita Melayu telah membuktikan prestasi cemerlang dalam bidang pengurusan kewangan namun penyertaan mereka di jawatan-jawatan pengurusan tinggi masih terbatas, cuma 13 peratus. Jika dirangkum semua sektor dan diambil secara menyeluruh peratusan wanita Melayu dalam kategori pegawai kanan dan pengurusan masih ditahap rendah, sungguhpun menunjukkan peningkatan, iaitu 4.8 peratus pada tahun 2000 kepada 5.4 peratus pada tahun 2005. Dari angka dan statistik yang sedia ada wanita nampaknya sudah membina (*competitive advantage*) dalam bidang profesional, sebagai doktor 54.4 peratus, peguam 44.1 peratus, akauntan 41.6 peratus, doktor haiwan 32 peratus dan juru ukur bahan 22.6 peratus.

Ketiga, peranan wanita sebagai peniaga dan usahawan. Perniagaan dan usahawan diberikan penekanan dalam RMK-9. Wanita Melayu boleh menggunakan segala kepintaran, kreativiti dan kebebasan untuk meningkatkan pendapatan dan dengan itu dapat menyumbangkan kepada peningkatan KDNK secara langsung. RMK-9 mengajak wanita Melayu sebagai modal insan yang mempunyai minda kelas pertama untuk meningkatkan penyertaan dalam bidang perniagaan dan keusahawanan. Kerajaan menggalakkan wanita merebut peluang membangunkan industri yang berasaskan produk asas tani dan bioteknologi. Wanita harus gigih menunjukkan kebolehan dan kemampuan sebagai ahli perniagaan dan usahawan. Industri yang dikenal pasti yang boleh dimanfaatkan oleh kaum wanita Melayu ialah:

- i. Pemakanan termasuk makanan halal
- ii. Peladang buah-buahan dan sayur serta industri sokongan berkaitan
- iii. Penternakan
- iv. Keluaran asas tani
- v. Bioteknologi terutamanya penjagaan kulit dan kesihatan
- vi. Industri logistik dan sokongan
- vii. Pelancongan dan hospitaliti
- viii. Pendidikan
- ix. Runcit

Menurut Norraesah Haji Muhamad (2006: 13) Kementerian Wanita sedang merangka satu undang-undang dan peraturan yang dapat membolehkan wanita bekerja dan berniaga dari rumah, iaitu sistem SOHO yang diamalkan di sesetengah negara maju. Bidang seperti

perkhidmatan profesional dan khidmat nasihat dapat dijalankan dari rumah. Begitu juga perniagaan kecil seperti jahitan, sulaman dan ketering. Ini adalah salah satu cara yang dapat menyumbang pada pembangunan negara, meningkatkan pendapatan keluarga di samping menyempurnakan tugas dan kewajipan penjagaan keluarga.

## **Penutup**

RMK-9 menjanjikan masa depan yang lebih cerah kepada wanita sebagai modal insan yang berminda kelas pertama untuk membangunkan negara. Sama ada wanita Melayu sanggup atau tidak menghadapi segala cabaran, terpulanglah kepada kaum wanita sendiri yang menentukannya. Revolusi ilmu menyediakan landasan terbaik untuk wanita merealisasikan potensi sepenuh mereka. Wanita mempunyai kekuatan atau faedah saingan semula jadi dalam sektor perkhidmatan termasuk pelancongan, kewangan, pertanian dan penyelidikan. Wanita juga boleh membina kekuatan melalui penubuhan rangkaian atau ‘net working’ sama ada dalam bidang profesional atau perniagaan.

Peranan dan sumbangan wanita diiktiraf sebagai penting dalam pembangunan sosioekonomi negara. Dalam masa dua dekad wanita Melayu menunjukkan pencapaian kemajuan yang boleh dibanggakan. Sumbangan pada pembangunan dan pertumbuhan KDNK adalah tinggi. Dengan terbuktinya keupayaan wanita, kerajaan sewajarnya menunjukkan kesungguhan yang lebih dalam memberikan ‘empowerment’ politik, sosial dan ekonomi kepada wanita. Jalan yang direntasi oleh wanita tidak semudah yang diharapkan. Wanita harus berupaya dan membina keyakinan diri. Keyakinan diri hendaklah dibina dengan menambah ilmu pengetahuan serta memahami perubahan dan dapat menyesuaikannya dengan perubahan-perubahan yang akan datang. Minda kelas pertama yang kreatif dan keupayaan inovasi sahaja yang dapat mengubah nasib kaum wanita khususnya wanita Melayu.

## Bibliografi

- Haji Othman Hamzah al-Muqri. Negara Maju Menurut Perspektif Islam. *Selangor Maju*, 15 Jun 2006: 12.
- Hasliza Hassan. Modal Insan Teras Membangun Ikut Acuan Sendiri. *Berita Minggu*, Julai 2006: 15.
- Kakos Sumardja, 1984. *Memahami Kesusasteraan*. Bandung: Penerbitan Alumni.
- Jamaluddin Bin Haji Ahmad Damanhuri. “Budaya Cemerlang Perkhidmatan Terbilang” *Teks Ucapan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia*, Mei 2005.
- Mohd Shukri Mohd Ariff. “Minda Kelas Pertama” *Dewan Masyarakat*, Mei 2006: 5.
- Mohd Shukri Shuib. “Sektor Pertanian Dalam RMK-9. *Dewan Masyarakat*, Jun 2006: 48-49.
- Mohd Yusof Hasan, 2004. *Pembinaan Pradigma Pemikiran Peradaban Melayu*. Tanjong Malim: Institut Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Yusof Hasan, 2005. *Pembinaan Pradigma Pemikiran Peradaban Melayu*. Tanjong Malim: Institut Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Norraesah Haji Mohamad, 2006. *Ucap Utama Dialog Dewan Masyarakat: RMK-9 Mengenali Peranan Peluang dan Cabaran Untuk Wanita*. Kuala Lumpur: DBP.
- Norizan Bin Sharif. Membudayakan Islam Dalam Negeri Maju. *Selangor Maju*, 1 Julai 2006: 10.
- Ziauddin Sharuddin. Wanita Tingkat Kejayaan Melayu. *Berita Minggu*, 15 Oktober 2006: 1.
- Ziauddin Sharuddin. Meritokrasi Ke Universiti Rosakkan harapan Melayu. *Berita Minggu*, 15 Oktober 2006: 14.